

21 NOV 1997

MIA BERHARAP DAPAT SERTAI NEAC

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Presiden Persatuan Pelabur Malaysia (MIA), Dr PHS Lim menyatakan beliau berharap persatuan itu akan diberi peluang untuk menyertai Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) agar ia dapat mengusulkan pandangan-pandangan daripada pemegang saham minoriti.

Beliau meluahkan rasa kesalnya terhadap cadangan-cadangan yang dibuat empat tahun lalu oleh MIA tidak diambil tindakan oleh pihak berkuasa berkaitan termasuk satu cadangan bagi skim beli balik saham serta perlaksanaan "pemutus litar" bagi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Sebagai akibatnya, "kita membiarkan pasaran kita tidak dilindungi" katanya sebagai merujuk kepada serangan manipulatif ke atas pasaran mata wang dan pasaran saham sejak beberapa bulan lalu yang menyaksikan ringgit dan BSKL jatuh menjunam.

Beliau yang menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi untuk membentuk NEAC bagi mengatasi kelemahan dalam ekonomi termasuk ringgit dan pasaran saham, menyatakan ia adalah satu idea yang baik berdasarkan kepada keadaan-keadaan ketika ini.

"Bagaimanapun, penting untuk memasukkan penyertaan sektor swasta secara meluas dalam perkara itu," katanya.

Ini adalah kerana pihak berkuasa kawal selia ketika merumuskan dasar dan peraturan, tidak didedahkan kepada persekitaran pasaran dan hasilnya tidak memahami sepenuhnya tentang kitaran ekonomi dan kuasa pasaran.

"Kami berharap dapat menyuarakan cadangan kepada kerajaan menerusi majlis itu," katanya.

Beliau berkata penting bagi pihak berkuasa kawal selia untuk menyusun peraturan dan undang-undang bagi persediaan menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal berlaku meskipun pelabur-pelabur digalakkan oleh peningkatan dalam pasaran saham dan pertumbuhan pesat ekonomi.

"Kami juga telah memberitahu pihak berkuasa sejak lama dulu bahawa harga bagi Tawaran Awam Permulaan (IPO) terlebih harga," katanya.

Beliau berkata kerajaan mengambil tindakan yang betul untuk membentuk majlis itu agar ia dapat menimbangkan langkah-langkah ekonomi-makro bagi menangani kelemahan mata wang dan pasaran saham serta memulihkan keyakinan pelabur. -- BERNAMA

MR ZK MA